

14 JAN 1998

Ekonomi-Wanita (Fokus Berita)

KEGAWATAN EKONOMI: MASA UNTUK WANITA BERTINDAK (Bergambar)

Oleh: Ruhil Amani Zainal Abidin

KUALA LUMPUR, 14 Jan (Bernama) -- Secara tiba-tiba, kaum wanita mampu menjadi penyelamat negara. Keputusan yang mereka buat dalam perbelanjaan harian boleh melegakan kegawatan ekonomi, yang kesannya menular dalam kehidupan setiap lapisan rakyat.

Persoalannya: Bagaimana?

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam program wawancara di TV3 Jumaat lepas, dengan tegas mengingatkan suri rumah bagaimana keputusan harian yang dibuat mereka boleh mendatangkan kesan kepada ekonomi negara.

Antara cadangan beliau kepada suri rumah bagi membantu proses pemulihan ekonomi negara berikutan kejatuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat ialah dengan mencari pengganti barangan import yang selalu digunakan daripada kalangan produk tempatan.

"Seperti menggunakan marjerin bagi menggantikan mentega, manakala bagi barangan yang tiada pengganti seperti keju, seboleh-bolehnya tidak payahlah digunakan langsung... kerana tak matipun kalau tak guna keju," katanya.

Selain itu, apakah langkah-langkah lain yang dapat diambil oleh golongan yang biasanya diiktiraf sebagai "pengawal kewangan" sesebuah keluarga ini?

Di negara-negara serantau yang turut mengalami kemelesetan ekonomi seperti Korea Selatan, Thailand dan Indonesia, wanita-wanitanya berganding bahu dengan kerajaan mencari jalan keluar daripada kemelut ekonomi itu.

Wanita di Korea Selatan melucutkan semua barang kemas di badan untuk dileburkan menjadi jongkong emas bagi membolehkan negaranya membayar hutang kepada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang kini berjumlah US\$57 bilion.

Di Thailand, kempen "Thais Help Thais" (Orang Thai membantu Orang Thai) dianjurkan di kalangan rakyat bagi mengutip sumbangan berupa emas dan matawang asing untuk ditukar kepada baht dan di Indonesia, kempen yang serupa iaitu menukar dolar Amerika kepada rupiah dimulakan oleh anak perempuan Presiden Suharto, Siti Hardiyanti Rukmana.

Di Malaysia sendiri, mungkin ramai yang telah lupa bahawa rakyat negara ini pernah menghulur sumbangan berbentuk wang tunai dan barangan kemas bagi membantu gerakan mencapai kemerdekaan daripada pemerintahan Inggeris.

Mengimbas kembali detik-detik itu, tokoh politik veteran Tan Sri Aishah Abdul Ghani, 74, berkata semangat patriotisme di kalangan rakyat termasuk kaum wanita pada waktu itu amat kental.

"Pada masa itu, pemimpin-pemimpin kita yang diketuai Tunku Abdul Rahman hendak berangkat ke London untuk berunding mendapatkan kemerdekaan tetapi mereka tidak mempunyai wang yang cukup. Jadi, rakyat sama-sama mengutip wang tunai untuk tujuan itu.

"Orang perempuan juga ingin menderma tetapi pada zaman itu, maklumlah, mereka tidak mempunyai wang seperti sekarang. Yang ada hanyalah barang kemas di badan...jadi, barang itulah yang didermakan," katanya di sini.

Aishah mula menyertai perjuangan mendapatkan kemerdekaan negara sejak tahun 1945 dengan menceburkan diri dalam politik sebagai Ketua Angkatan Wanita Sedar, sayap kiri parti Kebangsaan Melayu, sebelum menyertai Umno pada tahun 1949.

Dengan menjadikan kemelesetan ekonomi negara pada tahun-tahun 1970an sebagai contoh, beliau yang pernah memegang jawatan Menteri Kebajikan Masyarakat, berkata wanita perlu dididik dengan pengetahuan mengurus perbelanjaan rumah tangga yang berkesan.

Pertubuhan-pertubuhan wanita waktu itu giat menganjurkan aktiviti berbentuk pengetahuan dan berkaitan dengan keadaan ekonomi semasa negara seperti pertandingan memasak dan pertandingan bayi sihat, katanya.

Aishah, yang kini Pengerusi Tetap Pergerakan Wanita Umno berkata pertandingan memasak sedemikian dapat mengajar suri rumah supaya peka kepada resipi yang bukan sahaja sedap, malah berkhasiat dan mengikut perbelanjaan tertentu bagi hidangan satu keluarga. Bahan memasak pula perlu daripada bahan tempatan.

"Sekarang ini, kita perlu balik seperti cara dulu. Suri rumah perlu kembali menjahit, sekurang-kurangnya untuk menampal baju-baju keluarga yang koyak...bukannya, terus membeli yang baru walaupun koyaknya sedikit," katanya.

Langkah-langkah penjimatan lain yang dicadangkan Aishah kepada suri rumah, yang walaupun dianggap kecil tetapi berguna kepada ekonomi keluarga ialah:

- + Mengurangkan amalan membawa keluarga makan di luar, terutama di restoran mahal.
- + Mengawal penggunaan kad kredit semasa membeli-belah.
- + Menggalakkan anak-anak menabung.
- + Memperuntukkan sedikit wang bagi tabungan daripada perbelanjaan dapur yang diberikan oleh suami.
- + Menjimatkan penggunaan minyak, sabun, air, elektrik dan sebagainya.
- + Mengurangkan penggunaan barangan berjenama asing.
- + Menukarkan amalan menanam bunga kepada sayur-sayuran.

Aishah turut menyarankan golongan suri rumah supaya mengubah sikap dengan mengutamakan barangan tempatan dan kembali bercucuk tanam di halaman rumah.

"Siapa kata menanam sendiri sayur untuk kegunaan keluarga `tidak standard'. Sikap itu perlu dibetulkan. Kita perlu beringat sebelum kena, berjimat sebelum habis," katanya. -- BERNAMA

RAZ NAK